



KENYATAAN MEDIA

PEMBERITAHUAN KEPADA PEKERJA MENGENAI CUKAI YANG PERLU DIPOTONG OLEH MAJIKAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa LHDNM sedang mengeluarkan Pemberitahuan Kepada Pekerja Mengenai Cukai Yang Perlu Dipotong Oleh Majikan (CP38) bagi kes di mana akaun cukai pendapatan menunjukkan baki terhutang. Potongan gaji ini adalah tambahan kepada Potongan Cukai Berjadual pendapatan semasa.

Pemberitahuan ini dikeluarkan secara automatik melalui sistem komputer kepada pembayar cukai dan satu salinan akan diberikan kepada majikan. Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM untuk membuat aturan semula bayaran jika potongan adalah membebankan. Pembayar cukai juga boleh memohon untuk membatalkan arahan potongan gaji (CP38) ini jika tunggakan cukai yang dinyatakan telah dijelaskan atau cukai telah dikurangkan.

Sebarang pertanyaan dan kemosyikilan berkaitan hal ini boleh diajukan terus kepada **cawangan LHDNM di alamat seperti dinyatakan dalam surat pemberitahuan tersebut** atau boleh menghubungi **Pusat Khidmat Pelanggan LHDNM di talian 1-300-88-3010**.

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	27 Julai 2010
Nombor Telefon	:	03-6203 1380
Nombor Faks	:	03-6201 2434
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010 www.hasil.gov.my